



Terminal Ketua Pengarang

15 Julai 2001 • Bil. 27

KECEMERLANGAN SEJATI

Konvokesyen tiba lagi. Kampus Universiti Putra Malaysia diselubungi keceriaan dan kegembiraan. Inilah saat yang sangat dinantikan oleh semua pelajar yang sudah tamat pengajian mereka. Ibu bapa kepada para graduan turut gembira meraikan kejayaan anak mereka menerima segulung Diploma atau Ijazah di suatu majlis Konvokesyen yang sungguh gemilang. Majlis ini merupakan satu pengiktirafan kepada kejayaan pelajar menimba ilmu dalam bidang yang mereka pilih untuk belajar.

Selepas detik ini para graduan akan memulakan langkah pertama menghadapi dunia luar untuk berbakti kepada masyarakat dan negara. Negara meletakkan harapan yang sangat tinggi pada golongan ini kerana mereka adalah pelapis kepimpinan yang sama ada akan membawa kepada kemakmuran atau kehancuran negara.

Acuan pendidikan negara sudah tentulah kearah kemakmuran negara yang berkoncepcion falsafah membentuk pelajar yang menyeluruh dari segi kestabilan dan kemantapan rohani, jasmani, emosi dan intelek. Pelajar perlulah insaf bahawa sistem pendidikan yang diasaskan adalah untuk menyiapkan pelajar menghadapi masa hadapan. Pemikiran pelajar haruslah difokuskan untuk menyiapkan diri menghadapi masa depan dan bukannya mengharapkan masa hadapan disajikan kepada mereka oleh sistem dan kepemimpinan pendidikan.

Dalam konteks persiapan untuk masa hadapan ini, pelajar dibekalkan dengan benteng pertahanan dan semangat jati diri yang kental yang tidak kenal putus asa dalam menempuh masa hadapan era globalisasi dan kemajuan teknologi komunikasi dan maklumat yang sungguh mencabar.

Peranan institusi pengajian tinggi adalah untuk menyahut dan merealisasikan seruan ini demi melahirkan para graduan yang serba boleh dan serba tahu dalam zaman ekonomi berdasarkan pengetahuan. Pelajar yang bijak adalah pelajar yang tidak ketinggalan mengambil peluang melibatkan diri dalam aktiviti yang menjurus mereka untuk membuat persiapan ini. Universiti Putra Malaysia adalah taman ilmu yang sungguh unik dan indah.

Respi kearah persiapan ini disajikan di kampus, umpamanya di Kolej kediaman dengan sistem kolegiatnya di mana pelajar-pelajar luar kampus juga tidak dipinggirkan dalam pembentukan insan sejati harapan negara.

Pelajar perlulah merebut peluang yang ada di kampus untuk membina diri dengan penglibatan dalam aktiviti sampingan seperti kepemimpinan, komunikasi, pengurusan organisasi, kekeluargaan yang bermanfaat sebagai ilmu pelengkap semasa menuntut tanpa mengenepekan ilmu akademik dalam bidang kepakaran masing-masing.

Usaha ke arah ini adalah usaha bersama semua warga kampus kerana kecemerlangan pelajar adalah tanggung-jawab bersama. Pensyarah dan pentadbiran kampus juga perlu dilengkapi dengan ilmu yang membawa kepada penghasilan pelajar yang cemerlang.

Matlamat bersama ini akan berjaya jika kita insaf dan sedar mengapa kita dipilih oleh Tuhan untuk berkhidmat kepada negara di Universiti Putra Malaysia dalam institusi pengajian tinggi yang umpama pusat pengeluaran manusia yang akan berbuat baik dan memakmurkan agama, bangsa dan negara.

Terlebih dahulu marilah kita terapkan sikap kasih-sayang, rindu, asyik dan seronok kepada ilmu, pelajar, pensyarah, pentadbiran, pemimpin dan sistem pendidikan dalam konteks pencarian dan penerapan ilmu kerana ia membawa kepada kecemerlangan sejati.